

31 JUL 2000

Fong-Skim/

FONG PUJUK MAJIKAN TERIMA SKIM PENAMATAN PERKHIDMATAN

PETALING JAYA, 31 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan terus mengadakan perbincangan dengan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) serta organisasi yang berkaitan dengan sektor pekerjaan bagi melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP).

Menterinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, kementerian akan terus memberi penjelasan kepada majikan mengenai pelaksanaan SPP dalam usaha membantu menjaga kebajikan pekerja yang ditamatkan perkhidmatan.

"Majikan sepatutnya menyedari SPP akan membantu pekerja yang diberhentikan tanpa sebarang bayaran," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan mesin haemodialysis kepada Pusat Haemodialysis Sau Seng Lum di sini hari ini.

Sabtu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kesediaan kerajaan melaksanakan SPP yang dicadangkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dua tahun lalu.

Kerajaan bagaimanapun tidak dapat melaksanakan skim itu ketika ini setelah menerima bantahan daripada MEF.

Jika cadangan itu dipersetujui oleh majikan, pekerja yang ditamatkan perkhidmatan akan berpeluang menerima elaun bulanan.

Bagaimanapun Pengarah Eksekutif MEF Shamsuddin Bardan tetap dengan pendirian asal MEF menolak cadangan itu dengan alasan majikan terpaksa meningkatkan kos operasi untuk melaksanakan skim berkenaan.

Fong memberi contoh nasib yang dialami lebih 2,000 pekerja Syarikat Applied Magnetics (M) Sdn Bhd di Pulau Pinang yang ditutup pada 14 Jan lepas dan pengarah urusannya meninggalkan Malaysia tanpa membayar pampasan bernilai RM10.4 juta kepada pekerja.

Katanya, mengikut cadangan awal skim itu, setiap majikan dan pekerja perlu menyumbangkan RM1 setiap bulan untuk disalurkan menerusi Perkeso.

Sementara itu, Fong berkata, Perkeso menyalurkan dua mesin haemodialysis bernilai RM80,000 kepada Pusat Haemodialysis Sau Seng Lum bagi membantu pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan.

Katanya, Perkeso meluluskan peruntukan RM1 juta untuk membeli 25 mesin haemodialysis yang akan diserahkan kepada beberapa pusat dialisis sukarela.

Perkeso juga memperuntukkan RM3 juta menjelang akhir tahun ini untuk digunakan bagi menyalurkan bantuan kepada pusat-pusat dialisis panelnya, katanya.

Sehingga kini, terdapat 46 pusat dialisis yang dikendalikan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tujuh pusat swasta dilantik sebagai panel dialisis Perkeso di seluruh negara.

Bagaimanapun Perkeso hanya menanggung kos pencucian darah sahaja dan tidak termasuk perubatan pesakit.

Pada majlis itu Fong turut menyampaikan Faedah Perkeso bernilai RM200,000 kepada 20 penerima.

-- BERNAMA

RZS AHH RI